

55:
MAHATHIR

BAHAU, 6 MEI (BERNAMA) -- MENTERI PELAJARAN, DR. MAHATHIR MOHAMED HARI INI MENASIHATKAN PIHAK-PIHAK BERKUASA SEKOLAH RENDAH JENIS KEBANGSAAN SUPAYA JANGAN MENGABAIKAN PELAJARAN BAHASA MALAYSIA DEMI MASA DEPAN PARA PELAJARNYA.

KATANYA, PADA TAHUN 1982 NANTI SEMUA MATA PELAJARAN DI SEKOLAH MENENGAH, KECUALI BAHASA INGGERIS, AKAN DIAJAR DALAM BAHASA MALAYSIA.

KERANA ITU KEMAHIRAN BAHASA MALAYSIA ADALAH PERLU UNTUK MEMBOLEHKAN PARA PELAJAR MENGIKUTI PELAJARAN DI SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH.

LAGIPUN KELULUSAN DALAM BAHASA MALAYSIA ADALAH PERLU UNTUK MENDAPATKAN SIJIL RENDAH PELAJARAN DAN SIJIL PELAJARAN MALAYSIA DIPERINGKAT MENENGAH.

SELEPAS ITU NANTI, BAHASA MALAYSIA AKAN MENJADI BAHASA UTAMA DI PUSAT-PUSAT PENGAJIAN TINGGI DI NEGARA INI.

BAGAIMANAPUN, BELIAU MENGINGATKAN BAHAWA SELAIN DARI BAHASA MALAYSIA, PARA PELAJAR JANGAN MENINGGALKAN BAHASA INGGERIS YANG AKAN TERUS MEMAINKAN PERANAN PENTING SEBAGAI BAHASA KEDUA.

DR. MAHATHIR MENYATAKAN DEMIKIAN KETIKA MERASMIKAN BANGUNAN SEKOLAH BARU SEKOLAH RENDAH JENIS KEBANGSAAN CHINA BAHAU BERHARGA \$182,000 DISINI. -- BERSAMBUNG 1335/SZ

556:
MAHATHIR 2 BAHAU

BELIAU MAHU PARA MURID MENITEK-BERATKAN KEDUA-DUA MATA PELAJARAN ITU YANG AKAN MENJAMIN PELUANG-PELUANG MEREKA DIMASA DEPAN.

WALAU PUN KERAJAAN BERSUNGGUH-SUNGGUH UNTUK MEMBERI PELAJARAN DAN PENDIDIKAN SEMPURNA TETAPI MATALAMAT TIDAK AKAN TERCAPAI TANPA KERJASAMA PIHAK GURU DAN IBUBAPA.

SETIAP GURU HENDAKLAH MENYEDARI TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB MEREKA SEBAGAI PENDIDIK MANAKALA IBUBAPA PULA JANGAN CUALI DAN MENYERAHKAN BULAT-BULAT KEPADA PAK GURU.

DENGAN ADANYA PENDIDIKAN YANG SEMPURNA ITU, MURID-MURID BUKAN SAJA AKAN RAJIS DALAM PELAJARAN TETAPI DAPAT MENOLAK SEBARANG PENGARUH LUAR YANG TIDAK SIHAT.

BELIAU JUGA MENYEBUT TENTANG PERBUATAN SETENGAH-SETENGAH PELAJAR KEROSAKAN ALAT KELENGKAPAN DAN KEMUDAHAN-KEMUDAHAN YANG DI-SEDIYAKAN DI SEKOLAH.

PERKARA INI BERLAKU KERANA KURANGNYA KESEDARAN SIVIK DAN BELIAU MEMINTA PIHAK-PIHAK BERKEMAMUAN MENGAMBIL PERHATIAN. -- BERNAMA 1350/SZ

560:
MAHATHIR - 3 BAHAU

(SAMBUNGAN BERITA BILANGAN 556).

MENTERI BESAR, DATUK MANSOR OTHMAN, DALAM UCAPANNYA MENYERU IBU-BAPA MEMBERI PERHATIAN KEPADA PELAJARAN SAINS DAN TEKNOLOJI SUPAYA ANAK-ANAK MEREKA TURUT BERMINAT TERHADAP PELAJARAN ITU.

CARA DEMIKIAN JUGA DENGAN SENDIRINYA IBUBAPA DAPAT MENGIKUTI PEREDARAN ZAMAN MODEN.

BELIAU BERHARAP BILANGAN PELAJAR DALAM JURUSAN SAINS DAN TEKNIK AKAN BERTAMBAH UNTUK MENAMPUNG KEKURANGAN PAKAR-PAKAR PERANCANG PEMBANGUNAN NEGERI INI. -- BERNAMA HM 1418